


BILANGAN 29 TIDAK DAN BUKAN



Demam burung **bukan** merupakan ancaman besar kepada kesihatan awam sebab ladang ternak ayam di Singapura berjumlah berapa buah sahaja, dan penyembelihan ayam itik tidak dilakukan di pasar-pasar basah.



Pada peringkat awal, penjualan begitu perlahan. Orang belum kenal kami lagi. Namun, kami **tidak** berputus asa. Kami sudah rasakan pahit maung berniaga sebelum ini dan **tidak** mudah me...

Bukan dan **tidak** ialah kata tugas yang menjadi unsur nafi kepada frasa-frasa yang mengikutinya. Contoh:

- 1) Perusahaan perindustrian **bukan** tunjang ekonomi Singapura pada masa ini.
- 2) Perusahaan perindustrian **tidak** lagi menjadi tunjang ekonomi Singapura.

Biasanya kata nafi '**bukan**' diikuti dengan frasa nama dan frasa sendi nama:

- 3) Wanita malang itu **bukan** rakyat Singapura.
- 4) Hadiah itu **bukan** untuk Fazli tetapi untuk Kamis.

Kata nafi 'tidak' pula diikuti dengan frasa adjektif dan frasa kerja.

- 5) Gadis yang **tidak** suci lagi itu menyesali ketelanjurannya.
- 6) Bahan pencuci itu **tidak** menghilangkan kotoran.

Namun demikian, kata nafi '**bukan**' boleh juga menjadi unsur nafi kepada frasa kerja dan frasa adjektif sekiranya frasa-frasa tersebut mendukung makna pertentangan maklumat. Contoh:

- 7) Dia **bukan** hendak berkhidmat di kelab masyarakat itu tetapi hendak mencari jodoh.
- 8) Adam **bukan** sahaja pandai tetapi baik hati.

Bagaimana pula dengan petikan pertama? Kata nafi '**bukan**' diikuti dengan frasa kerja 'merupakan ancaman besar'. Oleh sebab demikian, kata nafi 'tidak' harus digunakan:

- 9) Demam burung **tidak** merupakan ancaman besar kepada kesihatan awam

Kalau hendak menggunakan 'bukan', gugurkan perkataan merupakan bagi membentuk frasa nama.




- 10) Demam burung **bukan** ancaman besar kepada kesihatan awam

Dalam petikan kedua, kata nafi 'tidak' menjadi unsur nafi bagi frasa kerja dan frasa adjektif.

11) Kami **tidak** berputus asa.

12) Kami tidak mudah mengaku kalah.

Bagaimana pula dengan petikan 3, 4 dan 5? Cuba anda huraikan.

		
<p>Petikan 3</p> <p>Menurut beliau, penglibatan dalam isu domestik di antara dua negara itu bukan perkara baru.....</p>	<p>Petikan 4</p> <p>Ini bukanlah kritikan menyelar Muis</p>	<p>Petikan 5</p> <p>Mereka gagal berfikir secara mendalam tujuan pernikahan dan sama ada pernikahan itu dapat bertahan atau tidak.</p> <p>Dalam satu wawancara eksklusif dengan Berita Minggu, Haji Pasuni menekankan bahawa pernikahan bukanlah jalan keluar bagi kes remaja yang sudah terlanjur hamil.</p>

Bagaimana pula kata nafi yang diikuti dengan kata ganti seperti berikut.

	
<p>Petikan 6 : "Lembu kamu ini kurus. Tentu tiada siapa yang mahu membelinya." kata orang tua itu.</p>	<p>Petikan 7: Saya di sini. Awak tidak apa-apa?</p>

Sila rujuk bilangan 35, bagi mengetahui perkara-perkara yang bersangkutan dengan kata ganti tak tentu; apa-apa dan sebagainya.